

Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia



BERITA JMM JILID 18/ BIL.1

JAN - APR 2016

ISSN 2231 - 8321

Pameran **Estetika Tembaga dan Perak**

MENARIK DI DALAM

*Pameran Gambus Serantau

*Siri Sembang-Sembang

*Eksklusif: Alam Melayu dalam Catatan Negarakertagama



LIDAH PENGARANG

Cabaran dan tugas yang cukup berat menanti institusi permuziuman di negara kita untuk dilaksanakan dalam dunia globalisasi yang sangat mementingkan pembangunan material. Justeru itu, institusi permuziuman perlu lebih aktif memainkan peranan terhadap pembangunan insaniah dan pembinaan jatidiri. Selaku institusi kemasyarakatan yang mengamalkan perkongsian manfaat, institusi muzium hendaklah sentiasa dinamik dengan strategi dan perancangan program-program yang mantap, mempunyai impak yang signifikan dan manfaatnya kepada masyarakat juga dapat diperluaskan.

Para ilmuan dan aktivis dalam institusi permuziuman perlu agresif dalam memberikan cetusan idea-idea yang konstruktif. Muzium berperanan dalam mencerna pemikiran positif masyarakat ke arah pembinaan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu, berbudaya dan bermaklumat, seiring dengan fungsi utama muzium sebagai institusi yang berkhidmat kepada pembangunan masyarakat.

Peningkatan taraf hidup rakyat dan ekonomi memerlukan daya kreativiti yang lebih menonjol dari pihak muzium bagi mendekati masyarakat dengan institusi permuziuman ini. Pentafsiran budaya masyarakat perlu diperjelaskan dalam rekabentuk pameran yang berteknologi tinggi, kreatif dan menghiburkan tetapi dalam pada masa yang sama mengandungi nilai intelek yang tinggi.

Akhir kata, warga muzium harus bijak mengambil peluang dari momentum era globalisasi dan ledakan maklumat yang melanda dunia masa kini. Internet perlu menjadi medium dalam mendekati institusi permuziuman kepada masyarakat. Muzium perlu menerobosi *cyber world* yang dipelopori oleh generasi muda, dan membawa anak-anak ini mengenali keindahan muzium melalui program-program yang kreatif, menghiburkan dan mencabar minda mereka.

Mohd Azmi bin Mohd Yusof

Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman)
Jabatan Muzium Malaysia



EDITORIAL

Penasihat

Kamarul Baharin bin A.Kassim

Ketua Editor

Mohamad Shawali bin Haji Badi

Editor

Azmi bin Ismail
Mohd Razaimi bin Hamat
Samsol bin Sahar

Penyelaras

Nor Hasni binti Che Hassan

Fotografi

Unit Sumber Media

Edaran

Unit Perpustakaan



Diterbitkan oleh

Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur
Tel.: (+603)22671000 (+603)22826255
Faks: (+603)22826434
<http://www.jmm.gov.my>

Dicetak oleh

Maziza Sdn. Bhd.

Berita JMM diterbitkan 3 bulan sekali. Buletin ini juga boleh dimuat turun daripada laman web JMM.



- 4 Pameran Nyawa: *BIRD*
- 7 Program Bicara Orang Asli Bertajuk
"MELESTARIKAN SENI PERSEMBAHAN ORANG ASLI"
- 8 Perasmian Pameran Istana CZECH
- 10 Pameran Estetika Tembaga dan Perak
- 12 Pameran Gambus Serantau Seni Ukiran Gambus
- 14 Program Ceria @ Muzium Matang
- 15 Majlis Graduasi Sukarelawan Muzium
- 16 Album JMM
- 18 KLTA-KL Tower Amazing Hunt
- 19 Siri Sembang-Sembang:
Diaspora Orang Siam ke Tanah Melayu
- 20 Alam Melayu dalam Catatan Negarakertagama
- 22 Bengkel Tatacara Pengurusan Kewangan Jabatan
- 23 Kursus Pengurusan Fail dan Rekod
- 24 Bengkel Pengurusan Konservasi Artifak Peringkat Asas
- 25 Kursus Metodologi Penyelidikan Muzium (Umum)
Peringkat Asas
- 26 Kursus Team Building Kumpulan Pengurusan dan
Professional Peringkat Asas
- 27 Pengajian Kitab Bersama Ulama Nusantara:
Demi Pemantapan Aqidah Dalam Kehidupan
- 28 Bengkel NAZAM dalam Kalangan Penjawat Awam di
Negeri Melaka tahun 2016
- 29 Program Wacana Arkeologi Maritim
- 30 Tajuk Puisi: *Wadah Perjuangan 1Malaysia*
- 31 Resensi



PAMERAN NYAWA: BIRD

Zambri Unyah (Muzium Alam Semula Jadi)
zambriunyah@jmm.gov.my

Tahun 2016 membuka tirai pameran di Muzium Alam Semula Jadi dengan penganjuran pameran Nature's Yield And Wonders Of Arts (NYAWA) : Bird. Penganjuran pameran melalui kerjasama Muzium Alam Semula Jadi dan Galeri Serdang yang bertemakan burung ini bertujuan untuk mendedahkan pengunjung tentang kepelbagaian peranan burung dalam kehidupan manusia. Sebanyak 10 koleksi hasil seni kreatif Galeri Serdang dan 29 koleksi artifak dan spesimen Jabatan Muzium Malaysia telah dipamerkan termasuklah spesimen burung, sangkar, jerat, jebak dan hasil seni kreatif. Burung Bower dan Burung Cenderawasih adalah sebahagian daripada spesimen burung yang menjadi tarikan utama dalam pameran ini.

Burung Bower dari famili Ptilonorhynchidae adalah burung yang boleh ditemui di Australia dan Kepulauan New Guinea. Burung Bower dianggap unik kerana memiliki kemahiran membuat sarang yang indah dari pelbagai bahan yang ditemuinya untuk menarik perhatian burung betina. Burung Bower jantan akan mengutip ranting, daun, duit syiling, barang terbuang seperti straw, tutup botol, sudu dan juga serangga kecil yang akan disusun dalam formasi yang menarik dan berwarna-warni sebagai hiasan sarang bagi memikat Burung Bower betina.

Burung Cenderawasih yang dikelompokkan dalam famili Paradisaeidae, adalah burung yang terdapat di timur Indonesia, Papua New Guinea dan Australia. Dikenali juga sebagai Burung Dari Syurga, keistimewaan Burung Cendrawasih telah dirikan dalam Kitab Tajul Muluk dan beberapa kitab Melayu



lama yang dikatakan mempunyai pelbagai khasiat perubatan dan kepercayaan sosial. Masyarakat China memanggil Burung Cenderawasih sebagai Burung Phoenix dan dikaitkan dengan kalangan kerabat istana Maharaja China manakala di kalangan penduduk Eropah, burung ini lebih terkenal dengan panggilan 'Bird of Paradise'. Kajian sains mengelompokkan Burung Cenderawasih kepada 14 genus dan terdiri dari 43 spesies dengan saiz berukuran dari 15 cm hingga 110cm dan berat dari 50 gram sehingga 430 gram. Burung Cenderawasih diambang kepupusan disebabkan nilainya yang tinggi dalam pasaran dengan kajian statistik di Papua New Guinea tahun 2012 merekodkan sekitar 2 hingga 3 ekor ditemui dalam lokasi habitat berkeluasan satu kilometer persegi berbanding 10 hingga 15 ekor sekitar tahun 2000 hingga 2005.

Burung Lang Siput (*Haliaeetus leucogaster*) atau dikenali juga sebagai White-bellied sea-eagle merupakan burung pemangsa (karnivor) dalam famili Acciptridae. Taburan populasi Burung Lang Siput boleh ditemui di kawasan pesisir pantai Australia, Papua New Guinea, Indonesia, China, Asia Tenggara dan India. Burung Lang Siput adalah salah satu dari 8 spesis helang yang terdapat di Malaysia dan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar Malaysia.



Jebak merupakan peralatan tradisional yang digunakan untuk memerangkap burung menggunakan pikat/denak yang diletakkan di dalamnya. Popular di kalangan pengemar burung, kebanyakan jebak diperbuat daripada rotan atau buluh yang diraut menjadi bilah kecil dan dianyam mengikut bentuk yang kebiasaannya berbentuk separuh bulat atau empat segi dengan tapak yang rata. Jebak akan dipasang dengan pintu perangkap yang terbuka dengan seekor burung pemikat sebagai umpan yang akan menarik minat burung untuk masuk dan terperangkap dalam jebak.

Bagi tujuan membantu dalam memberikan pendedahan ilmu kepada pelawat, pelbagai aktiviti telah disediakan sepanjang pameran berlangsung seperti permainan congkak, membuat origami burung, puzzle burung, kuiz dan kraf (puppet). Perasmian pameran telah disempurnakan pada 22 Februari 2016 oleh YBhg Datuk Hj. Ab. Ghaffar bin A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Encik Kamarul Baharin bin A. Kasim. Pameran bermula dari 28 Februari hingga 15 Mei 2016.



PROGRAM BICARA ORANG ASLI BERTAJUK: “MELESTARIKAN SENI PERSEMBAHAN ORANG ASLI”

Asmawi bin Mohamed (Muzium Seni Kraf Orang Asli)
asmawi@jmm.gov.my

Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA) buat julung kalinya telah menganjurkan satu program wacana ilmu yang dinamakan Bicara Orang Asli. Satu tajuk khas telah dipilih untuk program ini iaitu “Melestarikan Seni Persembahan Orang Asli”. Program ini juga yang telah dimasukkan dalam kalendar Tahun 2016 Jabatan Muzium Malaysia.

Pembentang kertas kerja untuk Program Bicara Orang Asli ini ialah YBrs. Dr. Clare Chan Suet Ching. Beliau merupakan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pengajian Siswazah, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak. Program bicara ini telah berlangsung dengan jayanya pada 29 April 2016 (Jumaat), bertempat di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia. Pada awalnya, pihak MSKOA hanya mensasarkan kehadiran seramai 300 orang sahaja tetapi program ini telah berjaya menarik minat orang ramai dan telah dihadiri seramai 336 orang. Mereka yang hadir dalam program bicara ini terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, pegawai dan kakitangan JMM, Siswa dan Siswi dari UPSI, Aktivis dan NGO Orang Asli, Pengiat Seni, orang perseorangan, yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli serta Masyarakat Orang Asli itu sendiri. Program Bicara Orang Asli ini telah disempurnakan perasmianya oleh Pengarah Muzium Negara, YBrs. Encik Azmi bin Ismail.

Objektif utama program bicara ini ialah untuk memberi pendedahan dan penyebaran maklumat kepada masyarakat umum mengenai keunikan alat muzik dan seni persembahan masyarakat orang asli, khasnya persembahan sewang, main jo’oh dan pinloin. Pembentang dalam program bicara ini juga membuat kupasan untuk menarik minat golongan muda masyarakat orang asli khasnya dalam melestarikan seni persembahan masyarakat orang asli, khususnya pada masa-masa akan datang.

Program ini berlangsung selama dua jam dan diserikan lagi dengan persembahan kebudayaan masyarakat orang asli, Suku Kaum Mah Meri dari Pulau Carey, Selangor dan juga persembahan oleh para pelajar dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, UPSI selama 10 minit.



PERASMIAN PAMERAN ISTANA CZECH

Jamil bin Haron (Bahagian Komunikasi Korporat)
jamil.haron@jmm.gov.my

Jalinan kerjasama diantara Jabatan Muzium Malaysia dan Republik Czech telah direalisasikan dengan diadakan Pameran Istana Czech di Galeri Diraja, Jabatan Muzium Malaysia dari 28 Februari hingga 30 Mac 2016. Pameran ini membawa pengunjung menghayati dan mempelajari sedikit sebanyak mengenai kehebatan dan kemegahan istana yang terdapat di Republik Czech. Sebanyak 37 model Istana terkemuka seperti Cesk, Litomsky, Kost dan Telc dipamerkan kepada pengunjung sepanjang pameran ini berlangsung. Ada diantara Istana yang dipamerkan ini telah dibina pada abad ke-13 dan masih terpelihara sehingga kini. Rentetan dari itu pada 29 Februari 2016, majlis perasmian Pameran Istana Czech telah disempurnakan oleh YBhg Tan Sri Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Duta dan Pesuruhjaya serta lebih kurang 150 orang tetamu jemputan.







PAMERAN ESTETIKA TEMBAGA DAN PERAK

Nor Hasni binti Che hassan
(Bahagian Penyelidikan dan dokumentasi)
hasni@jmm.gov.my

Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan pameran berprestij berjudul Pameran Estetika Tembaga dan Perak bermula pada 1 Mac hingga 1 Julai 2016 bertempat di Galeri 3, Jabatan Muzium Malaysia. Pameran ini diadakan bertujuan menyedarkan masyarakat khususnya generasi muda tentang khazanah warisan yang menjadi kebanggaan masyarakat.

Pameran ini merupakan usaha untuk mendidik masyarakat supaya mencintai sejarah yang menjadi warisan negara selain membina jati diri mereka melalui falsafah bidang kesenian. Terdapat 257 koleksi yang dipamerkan bermula dari zaman Parsi hingga ke zaman sebelum kemerdekaan negara. Koleksi ini sekali gus menyalurkan maklumat kepada masyarakat berhubung sejarah dan fungsi koleksi itu.

Antara koleksi terbaik adalah piala HMS Malaya, set tapak sireh Sultan Abdul Samad, gantang, cerek, kacip dan setereka tembaga. Selain itu, turut dipamerkan jam meja tembaga, cermin muka berayat, replika gambang dan bekas watikah. Usia koleksi tersebut ada yang mencecah ratusan tahun dan diperoleh hasil sumbangan daripada pihak luar.



ESTETIKA PERAK & TEMBAGA

The Aesthetics of Silver and Copper

PENDAHULUAN (Introduction)

Perak dan tembaga merupakan logam mulia yang telah digunakan manusia sejak berabad-abad yang lalu. Kedua logam ini memiliki sifat fisik dan kimia yang unik, serta nilai estetika yang tinggi. Perak dikenal sebagai logam yang paling putih dan berkilauan, sementara tembaga memiliki warna merah tembaga yang khas. Kedua logam ini sering digunakan untuk membuat perhiasan, peralatan rumah tangga, dan benda-benda seni lainnya.

Perak memiliki sifat antibakterial yang membuatnya sangat berguna dalam dunia medis. Tembaga juga memiliki sifat antibakterial yang membuatnya sangat berguna dalam dunia medis. Kedua logam ini sering digunakan untuk membuat perhiasan, peralatan rumah tangga, dan benda-benda seni lainnya.

Perak dan tembaga merupakan logam mulia yang telah digunakan manusia sejak berabad-abad yang lalu. Kedua logam ini memiliki sifat fisik dan kimia yang unik, serta nilai estetika yang tinggi. Perak dikenal sebagai logam yang paling putih dan berkilauan, sementara tembaga memiliki warna merah tembaga yang khas. Kedua logam ini sering digunakan untuk membuat perhiasan, peralatan rumah tangga, dan benda-benda seni lainnya.

Perak memiliki sifat antibakterial yang membuatnya sangat berguna dalam dunia medis. Tembaga juga memiliki sifat antibakterial yang membuatnya sangat berguna dalam dunia medis. Kedua logam ini sering digunakan untuk membuat perhiasan, peralatan rumah tangga, dan benda-benda seni lainnya.





PAMERAN GAMBUS SERANTAU SERLAHKAN SENI UKIRAN GAMBUS

Jamil bin Haron (Bahagian Komunikasi Korporat)
jamil.haron@jmm.gov.my

Gabungan keunikan seni ukiran gambus dari Malaysia, Brunei dan Indonesia dapat dilihat sendiri orang ramai terutama peminat alat muzik tradisional itu melalui Pameran Gambus Serantau anjuran Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Pameran di Muzium Negara yang bermula 21 November 2015 hingga 30 April 2016 tersebut dianjurkan dengan tujuan menyalurkan maklumat kepada masyarakat berhubung sejarah dan falsafah alat muzik tradisional.

Selain itu, pameran yang julung kalinya diadakan ini juga adalah untuk mengangkat gambus sebagai alat muzik tradisional yang melambangkan budaya seni warisan negara. Selaras dengan usaha memartabatkan gambus sebagai instrumen bertali tertua di dunia, JMM tampil mempamerkan pelbagai bentuk peralatan muzik tersebut menerusi kehalusan seni pembuatan yang dihasilkan tokoh-tokoh terkemuka gambus.





Pameran ini juga turut melibatkan penyertaan dari negara Arab seperti Yemen, Iraq dan Mesir yang sangat popular dengan irama muzik tradisional itu. Sebanyak 68 gambus dan 300 aksesori berkaitan dipamerkan menerusi penglibatan daripada pelbagai agensi dan institusi seperti Jabatan Muzium Sabah, Yayasan Warisan Johor, Universiti Malaya, Pertubuhan Gambus Malaysia dan Persatuan Masyarakat Brunei Sabah.

Pengunjung juga boleh mengenali jenis gambus serta aksesori berkaitan bersama nota dan lagu yang dimainkan menggunakan alatan tersebut. Mengambil kesempatan terhadap pameran tersebut, JMM menawarkan kelas pengajian secara percuma untuk orang ramai mempelajari alat tersebut.





PROGRAM
Ceria
@ MUZIUM MATANG

TARIKH : 26 MAC 2016

PROGRAM CERIA @ MUZIUM MATANG

Zairul Hida binti Hamdan (Muzium Matang)
zairul@jmm.gov.my

Pada 26 Mac 2016, Muzium Matang telah mengadakan Program Ceria @ Muzium Matang bertempat di Pusat Latihan Muzium Matang. Program ini melibatkan peserta kanak-kanak dari tiga buah Tabika KEMAS iaitu Tabika KEMAS Pekan Matang, Tabika KEMAS Matang Gelugor dan Tabika KEMAS Kampung Sungai Mati.

Objektif utama program ini ialah kanak-kanak tadika ini dapat menunjukkan bakat dan kemahiran berfikir dalam menghasilkan kerja seni tangan mereka sendiri dan dapat bersama melibatkan diri dalam program-program muzium bersama masyarakat. Ibaduapa yang hadir juga juga dapat bersama-sama melihat potensi dan kreativiti anak-anak mereka.

Konsep 'Kanak-kanak Suka Berseronok' menjadi intipati dalam setiap aktiviti permainan yang dijalankan. Permainan yang dijalankan telah menarik minat kanak-kanak ini iaitu 'Bling-bling Eye Mask', 'Sweet Cat' dan Hiasan Dinding 'Lady Bug'. Sambil diberi tunjuk ajar oleh staf muzium, mereka begitu tekun dan seronok menyiapkan hasil kerja seni masing-masing. Di akhir setiap hasil kerja seni akan dinilai dan yang pemenang terbaik telah diberi hadiah.

Semoga program ini dapat menarik minat generasi muda terutama kanak-kanak mengunjungi Muzium. Selain daripada tempat menimba ilmu, Muzium juga ingin dilihat sebagai tempat yang sangat menyeronokkan dan menghiburkan. Melalui program ini, diharap dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap institusi Muzium yang sering dianggap sebagai tempat menyimpan barang lama sahaja.





MAJLIS GRADUASI SUKARELAWAN MUZIUM

Jamil bin Haron (Bahagian Komunikasi Korporat)
jamil.haron@jmm.gov.my

Pada tahun ini seramai 50 orang sukarelawan Muzium telah menerima sijil perlantikan sebagai sukarelawan muzium Jabatan Muzium Malaysia. Kejayaan untuk mendapatkan sijil ini adalah amat mencabar kerana mereka perlu mengikuti kursus selama 3 bulan bermula dari pertengahan bulan September hingga November. Pelbagai modul yang perlu ditempuhi antaranya hadir ke kelas pada setiap Selasa atau Sabtu untuk mendengar ceramah yang disampaikan oleh penceramah berpengalaman, pembentangan mengenai koleksi yang ada dalam galeri Muzium Negara selama 15 minit dan perlu membuat lawatan berpandu secara konsisten selama 6 bulan sebelum disahkan menjadi sukarelawan muzium Jabatan Muzium Malaysia. Bagi menghargai perit gigih mereka maka Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan majlis khusus iaitu Majlis Graduasi Sukarelawan Muzium pada 27 Februari 2016 serentak dengan pelancaran buku yang ditulis oleh kumpulan sukarelawan Muzium bertajuk *A Malaysian Tapestry: Rich Heritage at the National Museum*.





Lawatan Berpandu Puspanita Hiasan Dalaman pada 2 Nov 2015



Mesyuarat Agung Puspanita Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan



Kempen Derma Darah anjuran WARIS pada 24 Februari 2016



Program Jom ke Dapur di Muzium Negara pada 1 April 2016



Program Jom Memasak bersama Si Cilik di bilik Penerokaan Muzium Negara pada 13 Mac 2016

Program Frank Night di Muzium Negara pada 17 Mac 2016



Kelas Bento di Muzium Negara pada 16 April 2016



KLTA-KL TOWER AMAZING HUNT

Jamil bin Haron (Bahagian Komunikasi Korporat)
jamil.haron@jmm.gov.my

Pada 28 Februari 2016, Muzium Negara telah dipilih selaku hos untuk pelepasan aktiviti KLTA-KL TOWER AMAZING HUNT yang disempurnakan oleh YB. Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang. Turut hadir ialah Pengerusi KLTA, Ketua Pengarah JMM dan ahli exco KLTA. Seramai 200 orang peserta telah menyertai program yang julung kali diadakan oleh Kuala Lumpur Tourism Association. Peserta yang terlibat adalah terdiri daripada pengamal media, agen pelancongan, pengusaha hotel dan orang awam. Antara objektif diadakan program ini ialah untuk mempromosi destinasi pelancongan menarik di sekitar Kuala Lumpur seperti Muzium Negara, Aquaria KLCC dan Menara Kuala Lumpur.



SIRI SEMBANG-SEMBANG DIASPORA ORANG SIAM KE TANAH MELAYU

Rosaidee bin Mohamed,
(Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi)
rosaidee@jmm.gov.my

Pada 27 Februari 2016, jabatan telah menghantar dua orang staf untuk menghadiri ceramah 'Siri Sembang-Sembang Sejarah' bertajuk 'Diaspora Orang Siam Ke Tanah Melayu' di Dewan Aminuddun Baki, Anjung Wisma Sejarah, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia. Seramai 54 orang yang hadir dan bertujuan merungkai sejarah perkembangan masyarakat Siam di Malaysia.

Ceramah ini dibentang oleh Encik Siri Neng Buah yang merupakan seorang tokoh penggiat dan pakar rujuk adat budaya berketurunan Siam yang menetap di Besut, Terengganu. Beliau mendapat pendidikan di Kelantan serta berpengetahuan luas mengenai kebudayaan masyarakat Melayu Siam seperti Wayang Kulit Siam, Menora dan adat istiadat masyarakat Siam.

Mengikut kajian yang bersumberkan fakta sejarah, beliau menyatakan penghijrahan masyarakat Siam ke Tanah Melayu bermula pada Zaman Empayar Sukhotai dan berakhir pada Zaman Empayar Melaka. Negeri-negeri Utara Tanah Melayu seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu pernah tercatat sebagai tanah jajahan perluasan Kerajaan Siam, begitu juga Pahang (Inderapura), Johor (Klang Keow/Wurawari), Manjung (Khugkha Negara) dan Singapura (Temasik). Kesemuanya dinamakan sebagai 'Siam Asli'.

Beliau mengemukakan teori 'Migrasi (Phra Thepthani)' di mana masyarakat siam bergerak dari Banjaran Altai/Mongolia Utara ke selatan Thai sekitar 7,000 tahun lalu, dan teori baru 'Suwannaphum' yang menunjukkan Sungai Chao Phya sebagai tanah emas yang padat penduduk masyarakat Siam suatu ketika dahulu. Dikaitkan juga penghijrahan masyarakat Siam berlaku selepas kejatuhan Kerajaan Ayuthia serta faktor peneroka penempatan baru, pelarian dan perlindungan. Melalui Penjanjian Bangkok 1909, pihak Inggeris melaksanakan dasar perintah dan pecah dengan menentukan sempadan di Negeri-negeri Utara Tanah Melayu. Faktor perkahwinan dengan masyarakat tempatan juga penyumbang perkembangan masyarakat ini. Pada tahun 2008 statistik purata masyarakat Siam

yang paling ramai ialah berada di negeri Kelantan berjumlah 25 ribu (1.6%).

Di akhir ceramah siri sembang-sembang sejarah, diadakan sesi pertanyaan serta tayangan slide Wat Siam di Pulau Pinang dan Kedah yang membuktikan kewujudan keturunan Siam di Malaysia.



ALAM MELAYU DALAM CATATAN NEGARAKERTAGAMA

Mohd Nasrulamiazam Mohd Nasir (Bahagian Pengurusan Koleksi)
nasrul@jmm.gov.my

Dalam pengkajian tentang Alam Melayu beberapa sumber yang berteraskan kesusasteraan sejarah masih digunakan sebagai sumber rujukan. Misalnya, naskah seperti Sulalatus Salatin, Hikayat Hang Tuah dan Tuhfat Al Nafis merupakan antara naskah yang sering dirujuk dalam kajian tentang kerajaan-kerajaan Melayu. Selain sumber tersebut terdapat salah satu naskah yang tidak kurang penting yang turut menyentuh tentang latar sejarah berkait dengan Alam Melayu khususnya kerajaan Melayu awal di Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera.

Naskah tersebut ialah kitab Negarakertagama. Ia merupakan salah satu sumber penting dalam memerihalkan kewujudan dan kemasyhuran kerajaan Jawa yang pernah berpusat di Jawa Timur iaitu kerajaan Majapahit. Prof. Dr. Slamet Muljana (2006), menyatakan bahawa naskah Negarakertagama sebagai sebuah naskah pujasastra yang mengandungi nilai sejarah serta sanjungan terhadap raja Hayam Wuruk dengan gelaran Maharaja Sri Rajasanagara (1350-1389) serta pentadbir utama kerajaan Majapahit yang hebat iaitu amangkubumi Patih Gajah Mada.

Di Indonesia, naskah Negarakertagama lebih dikenal sebagai kakawin iaitu sejenis syair yang menggunakan bahasa Jawa kuno dengan rima dari pengaruh hindu. Negarakertagama versi asal ditulis dalam bahasa Jawa kuno yang bermaksud negara dengan tradisi (agama) yang suci. Ianya telah dikarang dan digubah oleh pujangga keraton Majapahit yang bernama Mpu (empu) Prapanca pada 1365 terdiri dari 98 pupuh (syair). Judul asal Negarakertagama yang berikan oleh pengarangnya ialah Desawarnana yang bermaksud huraian tentang desa-desa. Namun penyalin naskah ini yang bernama Arthapamasah telah menambah judul naskah asal karya Mpu Prapanca dengan nama Negarakertagama pada tahun 1740. Kemudiannya Dr Jans Lauren Andreas Brandes seorang sarjana Belanda telah menggunakan nama tersebut dalam tulisannya yang diterbitkan pada 1894. Sehingga hari ini naskah ini terkenal dengan nama Negarakertagama berbanding dengan judul asalnya Desawarnana.

Meskipun Negarakertagama banyak memerihalkan tentang kegemilangan sejarah zaman kerajaan Majapahit khususnya di zaman Hayam Wuruk dan Gajah Mada, tetapi didalam beberapa pupuh (syair) Negarakertagama turut menyentuh tentang pengaruh kekuasaan Majapahit ke atas kerajaan-kerajaan Melayu. Patih Gajah Mada telah menggerakkan satu usaha memperluaskan jajahan takluk Majapahit sebagai salah program politik Majapahit di dalam dan luar Jawa. Pada tahun 1334, Patih Gajah Mada telah melafazkan satu sumpah yang disebut sebagai "Sumpah Palapa" atau sumpah Nusantara. Pernyataan Sumpah Palapa Gajah Mada ini telah disebut menerusi naskah Pararaton yang berbunyi:

"Sira Gajah Mada pepatih amungkubumi tan ayun amukita palapa, sira Gajah Mada : Lamun huwus kalah nusantara ingsun amukti palapa, lamun kalah ring Gurun, ring Seram, Tanjungpura, ring Haru, ring Pahang, Dompo, ring Bali, Sunda, Palembang, Tumasik, Hujung Medini (Semenanjung), samana ingsun amukti palapa."

Maksudnya: Beliau, Gajah Mada sebagai Patih (Perdana Menteri) menyatakan dia akan terus berpuasa dari "palapa" (rempah-ratus dan buah-buahan). Gajah Mada berkata: Jika aku telah menguasai Nusantara (pulau-pulau sekitar), baru aku akan berhenti berpuasa. Bila aku telah menguasai Gurun, Seram, Tanjungpura, Haru, Pahang, Dompo, Bali, Sunda, Palembang, Tumasik, maka aku akan berhenti berpuasa.

Walau bagaimanapun, pernyataan tentang Nusantara yang diucapkan oleh Patih Gajah Mada terlebih dahulu telah ditulis oleh Mpu Prapanca lebih seratus tahun sebelum Pararaton dihasilkan. Naskah Pararaton dihasilkan pada kurun ke-15 (1481) berbanding dengan Negarakertagama yang dihasilkan pada kurun ke-14 iaitu tahun 1365. Pupuh 13 hingga 15 dalam Negarakertagama menerusi terjemahan Prof. Dr. Slamet Muljana (2006), menyatakan seperti berikut:

Pupuh 13

1. Terperinci demi pulau negara bawahan, paling dulu M'layu: Jambi, Palembang, Toba, dan Darmasraya pun juga disebut Daerah Kandis, Kahwas, Minangkabau, Siak, Rokan, Kampar dan Pane
2. Lwas dengan Samudra serta Lamuri, Batan, Lampung dan juga Barus Itulah terutamanya negara-negara Melayu yang telah tunduk. Negara-negara di Pulau Tanjungpura; Kapuas-Katingan, Sampit, Kota Lingga, Kota Waringin, Sambas, Lawai ikut tersebut

Pupuh 14

1. Kandandangan, Landa Samadang dan Tirem tak terlupakan Sedu, Barune (ng), Kalka, Saludung, Solot dan juga Pasir Barito, Sawaku, Tabalung, ikut juga Tanjung Kutei Melano tetap yang terpenting di Pulau Tanjungpura.
2. Dihujung Medini Pahang yang disebut dahulu Berikut Langkasuka, Saimwang, Kelantan serta Terengganu, Johor, Paka, Muar, Dungun, Tumasik, Kelang serta Kedah Jerai, Kanjapiniran, semua telah lama terhimpun

Pupuh 15

1. Ini nama Negara asing yang mempunyai hubungan Siam dengan Ayudyapura, begitupun Darmanagari Marutma, Rajapura, begitu juga Singanagari Campa, Kamboja, dan Yawana ialah negara sahabat
2. Tentang pulau Madura, tidak dipandang negara asing Kerana sejak dahulu dengan Jawa menjadi satu

Konon tahun saka lautan menatang bumi, itu saat Jawa Madura terpisah meskipun tidak sangat jauh

3. Semenjak Nusantara menadah perintah Sri Baginda Tiap musim tertentu mempersembahkan pajak upeti Terdorong keinginan akan menambahk kebahagiaan Pujangga dan pegawai diperintah menarik upeti

Berdasarkan terjemahan tersebut menjelaskan tentang negeri-negeri yang berada dibawah naungan Majapahit pada masa itu. Istilah "Nusantara" yang tertulis dalam Negarakertagama ialah merujuk kepada kawasan di luar pengaruh kebudayaan Jawa tetapi masih dituntut oleh raja-raja Jawa sebagai tanah jajahan mereka, dengan raja kawasan-kawasan tersebut diperlukan membayar ufti kepada raja Jawa. Kerajaan "Melayu" yang dimaksud dalam Negarakertagama ialah negeri yang berada di Sumatera sekarang seperti Jambi, Palembang, Siak, Rokan dan Kampar. Semenanjung Tanah Melayu pula dikenali dengan nama Hujung Medini.

Selain itu terdapat kajian tentang Negarakertagama yang mempunyai pertalian dengan sejarah Alam Melayu. Mohd Dahlan Mansoer (1979), menyatakan dalam Negarakertagama bahawa tentera Singosari (Jawa) tidak hanya dihantar ke Dhasmashraya (Melayu), tetapi juga ke Bakulapura (Borneo Selatan) dan ke Pahang. Tujuan pemerintah Singosari pada masa itu menghantar tentera ke Borneo ialah untuk menyekat kemaraan armada Kublai Khan dari China, manakala di Pahang pula untuk menghalang kemaraan tentera Siam. Menurut Prof Dr. Slamet Muljana (2006) pula, menerusi berita China dari Dinasti Ming dan Negarakertagama menyatakan telah berlaku peperangan antara Suwarnabhumi (Semenanjung Tanah Melayu) dengan tentera Jawa sebagai akibat daripada tindakan Raja Suwarnabhumi yang mengirim utusan ke Mahajara China tanpa pengetahuan Raja Jawa. Pengiriman utusan ke China telah dianggap sebagai suatu tindakan membelakangkan

Majapahit sebagai penaung Suwarnabhumi. Tarikh kejatuhan Suwarnabhumi ialah sekitar tahun 1350 yang menyebabkan daerah-daerah di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu jatuh ke bawah kekuasaan Majapahit. Senarai daerah tersebut dinyatakan dalam Negarakertagama pupuh 13 dan 14 yang menyebutkan sebanyak 12 daerah iaitu: Pahang, Terengganu, Langkasuka, Kelantan, Woloan, Cerating, Paka, Tembeling, Grahi, Palembang, Muara Kempe dan Lamuri.

Sebagai kesimpulan, meskipun naskah Negarakertagama ini dianggap sebagai sumber sejarah bagi Indonesia khususnya Jawa, namun disebalik pupuh-pupuh yang dihasilkan oleh Mpu Prapanca telah mencatatkan suatu citra sejarah kepada alam Nusantara tentang kewujudan dan zaman kerajaan Melayu awal sebelum munculnya Kesultanan Melayu Melaka pada abad selepas Majapahit.

Bibliografi

- Mohd Dahlan Mansoer. 1979. Pengantar Sejarah Nusantara Awal. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
 Megandaru W. Kawuryan. 2006. Tata Pemerintahan Negara Kertagama Kraton Majapahit. Panji Pustaka: Jakarta
 Prof. Dr. Slamet Muljana. 2006. Tafsir Sejarah: Negarakertagama. LKiS: Yogyakarta
 Suwardono. 2013. Sejarah Indonesia: Masa Hindu-Buddha. Penerbit Ombak: Yogyakarta



BENGGKEL TATACARA PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN

Norhidayah binti Ramely (Unit Pembangunan Modal Insan)
norhidayah@jmm.gov.my

Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan satu Bengkel Tatacara Pengurusan Kewangan Jabatan yang telah berlangsung pada 2 hingga 3 Februari 2016 bertempat di Bilik Persidangan Aras 2, JMM. Secara umumnya ceramah ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada peserta tentang tatacara pengurusan kewangan dalam sesuatu perolehan kerajaan yang dibuat seperti perolehan melalui panjar wang runcit, kontrak pusat, perolehan terus, sebutharga dan tender.

Objektif lain bengkel ini diadakan adalah bertujuan meningkatkan kualiti pengurusan kewangan disamping meningkatkan akauntabiliti. Melalui bengkel ini juga, peserta dapat mempelajari dan memahami bahawa kawalan kewangan itu penting untuk memastikan program dan aktiviti dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta pencapaiannya memenuhi objektif jabatan. Selain itu, bengkel ini juga dapat membina sikap akauntabiliti yang tinggi dalam kalangan peserta dalam membentuk sesebuah pentadbiran yang teguh, cekap dan telus.

Penceramah yang dijemput bagi menjayakan bengkel ini adalah Puan Fitriyati, Penolong Akauntan Unit Kewangan, Puan Erni binti Abd Rahman Pudin, Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta dan Puan Nor Shahida binti Jamhari, Unit Kewangan.

Seramai 44 orang peserta telah menghadiri bengkel ini terdiri daripada kakitangan JMM sendiri (kumpulan p&p dan kumpulan Sokongan 1 dan 2). Diharapkan bengkel ini dapat menjadikan muzium sebagai tempat rujukan penting kepada orang awam dan menyemai rasa tanggungjawab dalam memulihara khazanah dan artifak.



KURSUS PENGURUSAN FAIL DAN REKOD

Norhidayah binti Ramely (Unit Pembangunan Modal Insan)
norhidayah@jmm.gov.my

Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan satu Kursus Pengurusan Fail dan Rekod yang telah berlangsung pada 10 hingga 11 Februari 2016 bertempat di Bilik Persidangan Aras 2, JMM. Secara umumnya ceramah ini diadakan adalah bertujuan memberi pendedahan mengenai konsep dan tatacara pengurusan fail dan rekod yang betul dalam amalan agensi kerajaan seperti yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia.

Objektif lain bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk mengenalpasti konsep dan perundangan pengurusan rekod mengikut Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]. Melalui bengkel ini juga, peserta dapat melaksanakan urusan sistem fail dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pengurusan rekod yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia. Selain itu, dalam bengkel ini juga peserta dapat mengaplikasi proses pengurusan rekod dengan betul mengikut standard dan panduan yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia.

Penceramah yang dijemput bagi menjayakan bengkel ini dari Arkib Negara Malaysia adalah Encik Nor Azizol Daud, Pegawai Arkib dan Puan Norazilah Daud, Penolong Pegawai Arkib Kanan S32.

Seramai 42 orang peserta telah menghadiri bengkel ini terdiri daripada kakitangan JMM sendiri (kumpulan P&P dan kumpulan Sokongan 1 dan 2). Diharapkan bengkel ini dapat memperbaiki sistem pengurusan fail dan rekod dan mengimplimentasikan standard pengurusan fail dan rekod Arkib Negara Malaysia di Jabatan Muzium Malaysia.



BENKEL PENGURUSAN KONSERVASI ARTIFAK PERINGKAT ASAS

Norhidayah binti Ramely (Unit Pembangunan Modal Insan)
norhidayah@jmm.gov.my

Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan satu Bengkel Pengurusan Konservasi Artifak yang telah berlangsung pada 22 hingga 24 Mac 2016 bertempat di Bilik Persidangan Aras 2, JMM. Secara umumnya ceramah ini diadakan adalah memberi pemahaman kepada setiap kakitangan muzium mengenai konsep konservasi dan tanggungjawab seorang konservator.

Objektif lain bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk memahami tatacara konservasi artifak. Melalui bengkel ini juga, peserta dapat memahami dengan jelas jenis-jenis peralatan yang digunakan semasa proses konservasi dijalankan. Selain itu, dalam bengkel ini juga peserta dapat didedahkan prosedur-prosedur pendokumentasian artifak yang betul.

Penceramah yang dijemput bagi menjayakan bengkel ini adalah Encik Zamrul Amri bin Zakaria, konservator dan juga merupakan Pengarah Bahagian Pengurusan Konservasi di Jabatan Muzium Malaysia.

Seramai 31 orang peserta telah menghadiri bengkel ini terdiri daripada kakitangan JMM sendiri (kumpulan Sokongan 1 dan 2), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Muzium Darul Ridzuan, Lembaga Getah Malaysia dan Lembaga Muzium Negeri Sembilan. Diharapkan bengkel ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta dalam penghasilan laporan penyelidikan pada masa akan datang.



KURSUS METODOLOGI PENYELIDIKAN MUZIUM (UMUM) PERINGKAT ASAS

Norhidayah binti Ramely (Unit Pembangunan Modal Insan)
norhidayah@jmm.gov.my

Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan satu Metodologi Penyelidikan Muzium (Umum) yang telah berlangsung pada 22 hingga 23 Mac 2016 bertempat di Bilik Persidangan Aras 2, JMM. Secara umumnya ceramah ini diadakan adalah bertujuan memberi pengenalan kepada para peserta mengenai asas penyelidikan dan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan mengaplikasikan kaedah-kaedah penyelidikan yang bersesuaian dan menghasilkan laporan penyelidikan yang bermutu tinggi.

Objektif lain bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman peserta kepada pelbagai jenis penyelidikan yang bersesuaian dengan bidang dan tujuan masing-masing. Melalui bengkel ini juga, mendedahkan peserta kepada metodologi penyelidikan kualitatif dan kuantitatif serta kegunaannya. Selain itu, dalam bengkel ini juga peserta dapat didedahkan dengan langkah-langkah yang perlu dikuasai dalam menjalankan penyelidikan yang berkesan.

Penceramah yang dijemput bagi menjayakan bengkel ini adalah Dr. Kaminder Singh yang merupakan Ketua Kluster Kepakaran dari Unit Tadbiran Awam Negara.

Seramai 41 orang peserta telah menghadiri bengkel ini terdiri daripada kakitangan JMM sendiri (kumpulan P&P dan kumpulan Sokongan 1 dan 2), Lembaga Muzium Negeri Pahang, Muzium Penjara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Muzium KTMB, Muzium Terengganu, Muzium Perak, Galeri Shah Alam, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Pusat Sains Negara, Muzium dan Galeri Bank Negara Malaysia, Muzium Petaling Jaya. Diharapkan bengkel ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta dalam penghasilan laporan penyelidikan pada masa akan datang.



KURSUS TEAM BUILDING KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL PERINGKAT ASAS

Norhidayah binti Ramely (Unit Pembangunan Modal Insan)
norhidayah@jmm.gov.my

Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan kursus “Team Building” untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah berlangsung pada 28 hingga 30 Mac 2016 bertempat di Eagle Ranch Resort Port Dickson. Secara umumnya kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan personaliti dan potensi diri kumpulan profesional dalam mengenali kekuatan dan kelemahan diri untuk memperbaiki sikap dan kualiti diri yang menjurus kearah nilai sendiri yang positif serta bersedia menerima perubahan.

Objektif lain kursus ini diadakan adalah bertujuan untuk melahirkan pemimpin yang berwibawa, dihormati dan berpersonaliti unggul. Disamping, mahir dalam komunikasi berhemah kearah mempertingkatkan hubungan staf yang lebih kondusif dan harmoni. Melalui kursus ini juga, mendedahkan peserta kepada halangan dalam mencapai kecemerlangan organisasi dalam konteks kerja berpasukan. Selain itu, dalam kursus tersebut peserta dapat meningkatkan motivasi dan semangat kerja berpasukan dalam kalangan pegawai dan kakitangan JMM.

Penceramah yang dijemput bagi menjayakan kursus ini dari Trillion Asia Resources yang terdiri daripada Dr. Saiful Amin bin Jalun, Encik Mohammad Allaudin bin Abu Ghani, Puan Norfrianto bin Sarfen dan Encik Yusman bin Yusof.

Seramai 29 orang peserta telah menghadiri bengkel ini terdiri daripada kakitangan JMM sendiri (kumpulan pengurusan dan profesional). Bengkel ini diharap dapat membangunkan pelan tindakan diri untuk memastikan pasukan kerja berkesan dapat diwujudkan.



PENGAJIAN KITAB BERSAMA ULAMA' NUSANTARA : Demi Pemantapan Aqidah Dalam Kehidupan.

Rosaidee bin Mohamed, (Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi)
rosaidee@jmm.gov.my

Program Pengajian Akbar Bersama Ulama' Nusantara Siri 2/2016 telah diadakan selama tiga hari bermula pada 4 hingga 6 April 2016 dianjurkan oleh Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MWPKL) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Pengajian ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Haji Zakariah Bin Isa, Imam Besar MWPKL. Seramai lebih kurang 500 orang peserta telah hadir terdiri daripada kakitangan kerajaan, badan swasta dan orang perseorangan pada program tersebut. Jabatan Muzium Malaysia telah menghantar seramai empat orang peserta untuk menyertai program ini iaitu Encik Rosaidee bin Mohamed, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi, Encik Mohd. Shahir bin Mohd Ali, Unit Sumber Media, Encik Ismail bin Hashim, Bahagian Pengurusan Koleksi dan Encik Mohd Khairul Azhar bin Mustapa, Muzium Negara.

Pengajian ini disampaikan oleh Tuan Guru Ghazali (Baba Li) bin Ahmad, Ulama' Pattani Thailand yang mengulas secara terperinci Kitab Aqidatun Najin. Kitab ini merupakan sebuah kitab karangan al-Alim al-Fahhamah al-Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fathani yang terkenal dengan nama Tuan Minal dalam tulisan Jawi yang digunakan di dalam pengajaran sekolah-sekolah pondok. Kitab ini telah dialihkan daripada tulisan jawi ke rumi yang membicarakan berkenaan Ilmu Usuluddin dilengkapi dengan nas-nas al-Quran dan Hadis. Ianya amat bermanfaat kepada pencinta yang mendalami ilmu agama demi memantapkan aqidah dalam konteks kehidupan Islam sejagat sebagai seorang muslim.

Program kali kedua ini hanya berkesempatan membicarakan lapan sifat Allah SWT daripada Sifat Dua Puluh Yang Wajib Atas Allah Ta'ala iaitu :

1. Wujud (Ada)
2. Qidam (Sedia)
3. Baqa' (Kekal)
4. Mukhalafatuhu Lilhawadith(Berlainan Dengan Sekelompok Makhluk)
5. Qiyamuhu Binafsihi (Berdiri Dengan Sendiri)
6. Wahdaniyah (Allah Maha Esa)
7. Qudrat (Allah Maha Kuasa)
8. Iradat (Berkehendak)
9. Ilmu (Allah Maha Mengentahui)
10. Hayat (Hidup)
11. Sama' (Allah Maha Mendengar)
12. Basyar (Allah Maha Melihat)
13. Kalam (Allah Berkata-kata)
14. Kaunuhu Qadiran (Allah Tetap Selalu Keadaan Berkuasa)
15. Kaunuhu Muridan (Tetap Dalam Keadaan Menghendaki)
16. Kaunuhu Aliman (Tetap Selalu Dalam Keadaan Mengetahui)
17. Kaunuhu Hayyan (Tetap Selalu Dalam Hidup)
18. Kaunuhu Sami'an (Tetap selalu Dalam Keadaan Mendengar)
19. Kaunuhu Basiran (Tetap Selalu Dalam Keadaan Melihat)
20. Kaunuhu Mutakalliman (Tetap Selalu Dalam Berkata-kata)

Ketokohan yang ada pada Tuan Guru Ghazali (Baba Li) terserlah dengan mengupas dan menyampaikan ilmunya secara tenang serta menjawab beberapa pertanyaan termasuk soal kilafiah dan menangkis dakwah kononnya amalan di kalangan masyarakat kita pada akhir zaman ini tidak mengikut sunnah. Dalam kebatasan masa ini juga, beliau dengan seikhlas hati telah mengijazahkan satu doa tawwasur nabi junjungan Rasulullah S.A.W kepada para peserta untuk diamalkan bagi tujuan hajat yang khusus sahaja. Namun ianya tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya kerana kemuliaan doa tersebut.



Sepanjang program ini kami telah memperolehi ilmu agama untuk kehidupan seharian serta ingin menyambung program pengajian lanjutan sekiranya diizinkan bagi memantapkan kefahaman aqidah kami yang berpegang pada ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah.

BENGGKEL NAZAM DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM DI NEGERI MELAKA TAHUN 2016

Drs. Mohd Nasruddin bin Rahman (ISMMA)
nash.perzim@gmail.com

Nazam merupakan warisan masyarakat Melayu di negeri Melaka yang perlu dilestarikan dari semasa ke semasa. Justeru itu, Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA) dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Agama Islam Melaka dan Perbadanan Muzium Melaka mengambil inisiatif untuk menerapkan kesedaran dalam memartabatkan dan memantapkan jati diri seni warisan khususnya kepada penjawat – penjawat awam di negeri Melaka melalui kegiatan seni warisan Melaka iaitu Nazam.

Bengkel tersebut telah diadakan pada 5 April 2016 (Selasa), jam 8.00 pagi – 5.00 petang bertempat di Balai Adat, Perkampungan Hang Tuah, Duyong, Melaka. Program ini telah menghimpunkan seramai 395 orang peserta yang terdiri daripada penjawat–penjawat awam di jabatan–jabatan kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun dan guru–guru Sekolah Rendah Agama dan Tadika Jabatan Agama Islam di Negeri Melaka. Majlis Perasmian Bengkel Nazam Dalam Kalangan Penjawat Awam di Negeri Melaka telah dirasmikan oleh YBhg. Encik Mod Zaky bin Haji Din, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Turut hadir sama pada majlis tersebut ialah Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar, Pengerusi ISMMA, YBhg. Puan Mazni binti Adeni, Pengarah Jabatan Warisan Negara Wilayah Selatan, YBhg. Drs. Mohd Nasruddin bin Rahman, Pengurus Besar ISMMA. Manakala Majlis Penutup Bengkel Nazam telah disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Norpipah binti Abdol, Timbalan EXCO Pembangunan Belia dan Warisan.

Program ini telah diadakan dengan jayanya dengan penglibatan penjawat–penjawat awam di negeri Melaka. Kerajaan Negeri Melaka melalui ISMMA dengan kerjasama jabatan–jabatan yang berkaitan hendaklah menjadikan program ini sebagai program tahunan dalam usaha memartabatkan dan memelihara warisan seni budaya Melayu ini kepada pelbagai lapisan masyarakat di negeri Melaka amnya kepada generasi muda.





PROGRAM WACANA ARKEOLOGI MARITIM

Program Wacana Arkeologi Maritim ini telah diadakan pada 14 April 2016 bertempat di Auditorium Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Dato' Dr Nor Aieni binti Haji Mokhtar, Naib Canselor, Universiti Malaysia Terengganu. Turut bersama ialah Profesor Emeritus Dr Noor Azhar bin Sazili, Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran.

Antara program utama yang diadakan ialah Lawatan ke Galeri Institut Oseanografi dan Sekitaran dan juga pembentangan kertas kerja oleh Profesor Madya Dr. Asyaari bin Muhamad dan YBhg. Encik Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia. Seramai lebih 40 orang peserta telah hadir yang terdiri daripada pelbagai latar belakang akademik, jabatan kerajaan dan orang perseorangan. Program ini merupakan program yang julung kali diadakan di UMT dan merupakan bidang yang baru diterokai oleh UMT.

Menurut Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran semasa ucapan menyatakan bahawa bidang maritim sangat luas dan merupakan peninggalan sejarah yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Beliau berharap ia akan menjadi pencetus kepada lembaran baru dalam pembangunan program akademik serta memberi impak yang besar dalam sektor ekonomi di UMT. Beliau juga antara lain menyatakan harapan agar kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Warisan Negara dan universiti tempatan yang lain dapat direalisasikan dalam usaha menjaga khazanah maritim Negara.



TAJUK PUISI : WADAH PERJUANGAN 1 MALAYSIA

Azlina Binti Ariffin (Bahagian Pengurusan Koleksi)

Terpalit sejarah,
 Untukmu negaraku darah kita mengalir,
 Dari kecil kita bersama dididik,
 Dari kecil kemesraan kita terjalin,
 Dari kecil kita diasuh mengenal erti kehidupan,...
 Kita insan kerdil yang menghuni di bumi bertuah ini.....
 Keakraban tersimpul disulami persahabatan,
 Tanpa mengira asal-usulnya,
 Tanpa mengira keturunannya
 Tanpa mengira agamanya,

Tinta indah ini kian pudar,
 Rentetan pena menari-nari mencari nokhtahnya....
 Bagaikan mengira detik-detik waktu,
 Belum pasti di mana rentak akhirnya.
 Kita pewaris negara tercinta,
 Umpama sungai mengalir tanpa hentinya,
 1 Malaysia dilaungkan segenap benua,
 Peneraju wacana gagahan negara,
 1 Malaysia dalam genggamannya,

Dari akar hingga ke umbinya,
 Bersatu gabungkan semangat juang,
 Semangat perpaduan yang harus digarap,
 Penyatuan bangsa, agama, budaya dan adat,
 Kepelbagaian bahasa mencerminkan kelembutan dan
 keindahannya,
 Bersatu di bawah naungan bangsa berjaya,
 Sulaman kata membawa kemesraan,
 Kerjasama dipupuk pengikat keharmonian,

Kini,
 Bersama kita membangun memartabatkan negara,
 Di sebalik titik hitam di tinggalkan sepi,
 Tiada yang lebih berharga,
 Bersatu! Bersatu! Bersatu!,


Tunjang dan tunggak penyatuan,
 Termeteri satu payung kedamaian,
 Bersama kita menempuh cabaran,
 Berbekalkan pemimpin berwibawa,
 Paduan jitu gagasan wawasan negara,
 Bersama kita membangun bergadai maruah,
 Kita bertekad pantang berundur,
 Luka semalam menjadi pengubat,
 Sesungguhnya.....
 Perjuangan kita masih belum selesai.

Puisi ini telah memenangi hadiah saguhati sempena Pertandingan Sayembara Puisi Perpaduan anjuran Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Jabatan Perdana Menteri pada 2009.

RESENSI BUKU

Judul : Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah
ISBN : 978-967-0372-20-4
Ketebalan : 172 Muka Surat
Harga : RM50.00 (Kulit Nipis)
Penerbit : Jabatan Muzium Malaysia / 2015

Buku ini merupakan hasil penulisan yang telah dibentangkan dalam Seminar Borneo II dengan tema "Jejak Kesultanan Brunei di Sabah". Umumnya, para penyumbang dalam buku ini terdiri daripada ahli akademik dan bukan akademik yang mempunyai pengetahuan mendasar berkenaan masyarakat Brunei Sabah selepas terpisah secara fizikal dengan pentadbiran Kesultanan Brunei selama seratus tiga puluh tiga tahun. Oleh sebab itu, tujuan utama seminar tersebut bukan sahaja untuk menelusuri jejak sejarah Kesultanan Brunei di Sabah, tetapi juga mengetahui sosiobudaya masyarakat Brunei yang masih dilestarikan sehingga kini.



Judul : Malaysian Tapestry: Rich Heritage at the National Museum
ISBN : 978-967-0372-21-1
Ketebalan : 269 Muka Surat
Harga : 25.00 (Kulit Nipis)
Penerbit : Jabatan Muzium Malaysia / 2015

Buku ini mengandungi himpunan artikel yang dihasilkan oleh Sukarelawan Muzium JMM tentang cerita di sebalik artifak yang ada dalam koleksi JMM.



Jabatan Muzium Malaysia

Muzium-Muzium di Bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

www.jmm.gov.my



MUZIUM NEGARA
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM DIRAJA
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK
TAIPING PERAK



GALERIA PERDANA,
LANGKAWI



MUZIUM MATANG,
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNGAI LEMBING,
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY,
LABUAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI,
KUALA LUMPUR



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA,
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG,
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,
JOHOR



MUZIUM LABUAN,
LABUAN



MUZIUM ENTOLOGI DUNIA MELAYU,
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN,
LABUAN



MUZIUM LUKUT,
NEGERI SEMBILAN



MUZIUM ALAM SEMULA JADI,
PUTRAJAYA



MUZIUM MUZIK
KUALA LUMPUR

KUNJUNGILAH
MUZIUM

Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255
Faks: (+603) 2282-6434 <http://www.jmm.gov.my>